

22 SEP 2003

Kastam-Rampas (Bergambar)

AKIBAT TAKUT DITAHAN KASTAM, PEMANDU LORI TERJUN DARI LORI

PELABUHAN KLANG, 22 Sept (Bernama) -- Seorang pemandu lori yang membawa muatan rokok kretek bertindak nekad dengan terjun daripada lori yang dipandunya kerana takut ditahan Kastam pada satu kejadian di Kapar, Klang, semalam.

Tindakan lelaki itu menyebabkan lori terbabit melanggar bahagian belakang kenderaan pacuan empat roda yang dinaiki lima anggota Kastam yang ketika itu memintas lori berkenaan.

Pengarah Kastam Selangor Datuk Wazir Muaz berkata pada kejadian pada pukul 1.30 tengah hari di Jalan Sungai Serdang, Kapar itu pemandu terbabit melarikan diri ke dalam kebun kelapa sawit berhampiran.

Kelima-lima anggota kastam itu tidak mengalami kecederaan dan kenderaan pacuan empat roda itu hanya mengalami kerosakan kecil, katanya pada sidang media di pejabatnya di sini hari ini.

"Intipan dijalankan bermula di Jalan Kapar. Tidak lama kemudian lori yang disyaki melintas kawasan itu. Kastam kemudian mengejar dan berjaya memintas lori itu. Tetapi pemandunya terjun untuk menyelamatkan diri menyebabkan lori itu melanggar kenderaan kastam yang berhenti di hadapan," katanya.

Hasil pemeriksaan, kastam menemui 6,080 karton rokok kretek pelbagai jenama bernilai RM96,560 dengan anggaran nilai cukai sebanyak RM376,791.81.

Dalam kes berasingan, Bahagian Pencegahan Kastam Selangor merampas 730 karton minuman keras hasil serbuan ke atas sebuah stor di Jalan Kem, off Jalan Telok Gong, di sini, Jumaat lepas.

Wazir berkata hasil pemeriksaan, kastam merampas bir berjenama Guinness Stout Foreign Extra (120 karton), Guinness Stout (571 karton) dan bir Bali Hai Premium (39 karton).

Beliau berkata kesemua barangan bernilai RM29,200 dan jumlah cukai kira-kira RM72,000 itu hendak dieksport.

Beliau berkata kedua-dua kes itu disiasat mengikut Seksyen 135 (1)(e) Akta Kastam 1967 kerana mengangkut barangan belum lulus kastam serta Seksyen (1)(d) akta yang sama kerana menyimpan barang belum lulus kastam.

Jika sabit kesalahan, mereka yang terbabit boleh didenda tidak kurang dari 10 kali ganda amaun cukai kastam atau RM50,000, yang mana lebih rendah dan tidak melebihi 20 kali ganda cukai kastam atau RM100,000 yang mana lebih tinggi atau penjara melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Beliau berkata kastam akan memperhebatkan lagi usaha membanteras penyeludupan rokok serta minuman keras ke negeri ini, ekoran kenaikan cukai rokok sebanyak 20 peratus dan cukai minuman keras sebanyak 20 peratus yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir dalam Bajet 2004, 12 Sept lepas.

-- BERNAMA

NSM AHH LAT